

Bab 5

PERBINCANGAN DAPATAN DAN RUMUSAN

5.0 Pendahuluan

Perbincangan dalam Bab 4 telah membentangkan dapatan dan analisis secara kuantitatif dan kualitatif terhadap faktor leksis dan budaya dalam penterjemahan makna bermasalah RIB - PIB. Dalam Bab 5 ini, penulis akan membincangkan dapatan kajian secara menyeluruh terhadap terjemahan kedua-dua Bab 1 dan Bab 2, PIB yang dianalisis. Menerusi hasil dapatan tersebut, penulis mengemukakan suatu rumusan tentang kajian ini dan mengutarakan cadangan dan gagasan untuk mempertingkatkan lagi bidang terjemahan Arab-Melayu di Malaysia khususnya disiplin penterjemahan dan mutu karya terjemahan yang dihasilkan.

5.1 Perbincangan Dapatan


5.1.1 Rumusan Analisis Kuantitatif

Jadual 8

Jadual Kekerapan Masalah Makna Sampel Kajian – Bab 1 dan Bab 2, PIB

Kategori Makna	Sumber Data	Kekerapan Masalah	Peratus Kekerapan
Makna Denotasi	Item leksikal	272	80.24
Makna Konotasi	Item leksikal	57	16.81
Makna Idiomatik	Frasa	10	2.95
Jumlah		339	100

Carta Bar 4
Carta Bar Jumlah Kekekrapan Masalah Makna Sampel Kajian



Daripada Jadual 8 seperti yang digambarkan dalam Carta Bar 4, dapat dirumuskan bahawa item leksikal yang bermasalah makna denotasi mempunyai kekekrapan sebanyak 80.24% berdasarkan sampel kajian ini, iaitu Bab 1 dan Bab 2 karya RIB. Manakala item leksikal bermasalah makna konotasi pula membentuk kekekrapan sebanyak 16.81% dan item frasa bermasalah makna idiomatik membentuk kekekrapan sebanyak 2.95%.

Dapatan statistik ini menunjukkan bahawa dalam penterjemahan karya RIB, penterjemah paling kerap menghadapi masalah penterjemahan item leksikal makna denotasi. Ini diikuti keduanya oleh makna konotasi dan yang terakhir makna idiomatik. Dapatan ini dengan jelas menunjukkan bahawa penterjemahan leksikal bermasalah makna denotasi merupakan masalah utama dalam

penterjemahan karya RIB. Masalah makna denotasi menjadi masalah paling utama kerana teks RIB merupakan teks genre sastera pengembaraan.

Bab 1 dan Bab 2 mengandungi 112 halaman daripada keseluruhan 817 halaman yang terkandung dalam 23 bab PIB. Ini bermakna Bab 1 dan Bab 2 membentuk 13.70% daripada kandungan 23 bab PIB. Di sini dapat disimpulkan bahawa paten dan pola kekerapan masalah makna denotasi, konotasi dan idiomatik yang terdapat dalam sampel kajian (Bab 1 dan Bab 2, PIB) dapat memberi gambaran awal bahawa masalah tersebut juga akan wujud dalam keseluruhan populasi iaitu 23 bab yang terdapat dalam karya PIB. Dapatan ini membolehkan penterjemah bersedia secara konsisten dengan strategi dan teknik penyelesaian yang digunakan apabila menghadapi item leksikal atau frasa yang bermasalah tersebut dalam bab-bab yang lain.

5.2 Rumusan Analisis Kualitatif

5.2.1 Rumusan Masalah Makna Denotasi

Data-data yang dianalisis menerusi kategori makna denotasi jelas membuktikan bahawa konsep masalah *realia* yang dinyatakan oleh Florin iaitu perkataan dan kombinasi perkataan yang menunjukkan objek, konsep, ciri-ciri, cara kehidupan, budaya, perkembangan sejarah dan sosial sesebuah negara yang asing bagi negara (orang) lain adalah tepat dalam menggambarkan kesukaran menterjemah makna denotasi.

Oleh sebab *realia* menunjukkan warna, latar belakang dan sejarah tempatan, ia tidak mempunyai persamaan yang tepat dalam bahasa-bahasa lain. Sekaligus bermakna bahawa ia tidak boleh diterjemah dengan cara yang

konvensional dan sebaliknya memerlukan pendekatan yang tertentu. Ini juga mendokong fakta yang penulis kemukakan dalam Bab 1 yang lalu, bahawa konsep “persamaan” dalam terjemahan sebenarnya konsep yang lemah dan telah ditolak oleh sarjana-sarjana terjemahan mutakhir seperti Bell, Snell-Hornby, Lefevere, Bassnett Mc-Guire dan lain-lain. Yang penting ialah melihat bentuk-bentuk leksikal ini dari sudut lexis dan budaya bahasa sumbernya terlebih dahulu, memahami sempadan-sempadan maknanya dan mempertimbangkannya pula dari sudut lexis dan budaya bahasa sasaran. Penterjemah perlu memikirkan sama ada padanan yang diberikan dalam bahasa sasaran dapat menyampaikan mesej yang terkandung dalam bahasa sumber. Jika tidak sepadan, penterjemah perlu memberikan huraian dan penjelasan yang sewajarnya kepada pembaca sasaran.

Setengah item leksikal bukan tidak boleh diterjemahkan secara langsung umpamanya زواية kepada zawiat dan *mamluk* kepada hamba. Tetapi, terjemahan secara langsung tersebut menghilangkan secara serius makna rujukan yang dimiliki oleh item-item leksikal tersebut. Penterjemah RIB tidak mahu mengorbankan makna tersebut hanya untuk memudahkan penterjemahan. Sebaliknya, penterjemah ingin supaya pembaca menikmati suatu pembacaan karya baru yang menghidangkan maklumat dan ilmu baru yang belum pernah diketahui pembaca sebelum ini.

Data-data yang dianalisis iaitu *farsakh*, *zawiyah*, *Rejab al-Fard*, *mamluk* dan *Syam* menunjukkan bahawa penterjemah RIB paling kerap menggunakan strategi pinjam terjemah atau ‘*calque*’ yang digabungkan dengan penggunaan nota hujung dan glosari.

Umumnya, strategi yang digunakan oleh penterjemah RIB ini adalah realistik dan munasabah. Ini adalah kerana penterjemah berhadapan dengan teks RIB yang mempunyai ciri-ciri kesusasteraan (sastera pengembaraan). Lefevere (1992b) dan Florin (1993) berpendapat bahawa dalam teks kesusasteraan penterjemah boleh memanfaatkan nota kaki atau nota hujung dan glosari untuk menyampaikan maksud leksikal tersebut apabila perkataan tersebut ditemui dalam teks buat kali yang pertama. Apabila pembaca merujuk makna tersebut, gambaran maksud tersebut akan terpahat dalam memorinya sepanjang pembacaan karya kesusasteraan tersebut.

Sementara itu, data 4 “Rejab yang unggul” dan data 5 “Syam” membuktikan bahawa amat penting penterjemah memahami dan menghayati makna lexis dan budaya item leksikal tersebut dalam bahasa sumbernya. Perkataan “Rejab yang unggul” merupakan contoh bagaimana penterjemah mungkin mengabaikan penterjemahan leksikal yang tidak difahami atau belum dibiasai dalam dunia wacananya sendiri. Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad dalam latihan ilmiahnya di Universiti Kebangsaan Malaysia berjudul *Ibn Battutah dan Pengembaraannya* (1993, 85) terbukti meninggalkan penterjemahan perkataan ‘*al-fard*’. Izziah Suryani menterjemahkan :

Saya keluar daripada bandar kelahiran saya pada hari Khamis, 2hb Rejab tahun 725H dengan hasrat untuk menunaikan haji di Bait Allah al-Haram dan menziarahi maqam Rasul Allah s.a.w.

Izziah Suryani, 1993:85

Izziah Suryani telah meninggalkan penterjemahan perkataan *al-fard* yang bermaksud “yang unggul” sekaligus mengakibatkan sedikit kelemahan dan

kecacatan dari segi makna. Pengalaman yang dialami oleh Izziah serta pengalaman penterjemah RIB dan kesilapan yang mereka lakukan apabila kurang peka dengan sepatah perkataan yang mempunyai impak mendalam mungkin juga akan dialami oleh penterjemah lain. Data ini dapat memberikan kesedaran bahawa makna denotasi seperti *realia regional* “Rejab yang unggul” ini yang menjadi milik umat Islam sendiri tidak boleh dipandang ringan. Adakalanya penterjemah merasakan bahawa terjemahannya telah menyampaikan maksud menurut dunia wacananya sendiri tetapi mungkin penterjemah telah mengabaikan maksud dalam dunia wacana budaya bahasa sumber.

Sementara itu, data 5 “Syam” membuktikan bahawa penterjemah perlu peka dengan masalah *realia temporal* seperti nama-nama tempat dalam karya terjemahan yang ditanganinya. Walaupun persoalan nama tempat nampak mudah, tetapi penterjemah perlu peka apabila memberikan padanan dalam bahasa sasaran. Antara yang perlu dipertimbangkan apabila menterjemah nama-nama tempat dalam teks klasik ialah:

- Adakah nama tempat yang lama dan baru itu masih sama dari segi geografi dan politiknya?
- Jika nama lama yang diberikan adakah ia akan difahami oleh pembaca sasaran? Adakah perlu mengekalkan nama lama dan apa rasionalnya? Adakah perlu mengabaikan nama baru dan apakah rasionalnya?
- Adakah nama lama masih dikenali oleh pembaca?
- Nama manakah yang paling mudah difahami oleh pembaca?

Adakalanya penterjemah RIB menggunakan nama baru dan mengabaikan nama lama dan adakalanya pula mengabaikan nama baru dan menggunakan nama lama. Sebagai contoh, penterjemah RIB menterjemahkan kota **Dehli**, ibu kota negeri India (nama lama) dengan padanan **Delhi** kerana Delhi lebih cepat difahami dan dihayati oleh pembaca.

Persoalan-persoalan dalam data-data di atas juga jelas mendokong pendekatan yang dibawa oleh Lefevere bahawa terjemahan merupakan aku'turasi atau perundingan antara dua budaya. Penterjemah perlu menjadi perunding yang bijaksana untuk bertolak ansur antara kepentingan dua lexis dan dua budaya bagi dua bahasa yang berbeza.

Sebagai kesimpulannya, penulis merumuskan bahawa bentuk-bentuk leksikal yang membawa masalah makna denotasi dengan menggunakan model *realia* yang diutarakan oleh Florin (1993) membuktikan bahawa:

1. Terjemahan meskipun diasaskan kepada bahasa, adalah tidak terhad kepada bahasa semata-mata. Penterjemah perlu memindahkan makna benda dan konsep daripada satu dunia rujukan kepada satu dunia rujukan lain dan bukan sekadar bentuk leksikal daripada satu bahasa kepada satu bahasa yang lain.
2. Masalah makna denotasi menunjukkan bahawa terjemahan adalah terjemahan dan akan tetap kekal sebagai terjemahan. Walau sehebat mana strategi yang digunakan untuk menyelesaikan masalah makna denotasi *realia*, masalah tersebut kekal tanpa penyelesaian muktamad pada penghujungnya. Ini adalah kerana dunia rujukan budaya A tidak sekali-kali akan bertindan dengan dunia rujukan budaya B.

3. Penterjemah perlu merujuk faktor lexis dan budaya dalam percubaannya untuk merapatkan jurang pemisah antara makna rujukan yang terdapat dalam bahasa sumber dan bahasa sasaran. Percubaan tersebut akan menyerlahkan usaha penterjemah dalam membawa kelainan yang terdapat dalam teks asal kepada pembaca sasaran yang memerlukan maklumat-maklumat yang asing dan baru buat tatapan mereka.
4. Penterjemah boleh memanfaatkan model Floin yang mengklasifikasikan kesukaran menterjemah bentuk-bentuk leksikal kepada kategori *thematic*, *geographical* dan *temporal* untuk meningkatkan kepekaan mereka terhadap bentuk-bentuk leksikal yang merumitkan tugas penterjemahan yang dilaksanakan.
5. Penterjemah akan paling kerap menghadapi masalah makna denotasi berdasarkan banyaknya data yang boleh ditemui dalam Bab 1 dan Bab 2 PIB. Kekerapan sebanyak 80.24% dalam sampel kajian ini untuk masalah makna denotasi jelas membuktikan bahawa penterjemah perlu peka dan bijaksana dalam menghadapi masalah ini.

5.2.2 Rumusan Masalah Makna Konotasi

Data-data yang dianalisis menerusi kategori makna konotasi jelas membuktikan bahawa makna konotasi juga berupaya menimbulkan masalah yang boleh tahan kesukarannya dalam penterjemahan. Walau bagaimanapun, masalah makna konotasi tidak begitu mendapat perbincangan yang mendalam seperti makna denotasi dalam buku-buku tentang teori dan pendekatan terjemahan walhal

ini amat penting dan berkait dengan konvensi sosial dan budaya pendengar atau penutur.

Analisis yang dilakukan dalam Bab 4 yang lalu mendapati bahawa model yang dikemukakan oleh Baker (1992) adalah berkesan untuk menilai masalah makna konotasi dalam penterjemahan karya RIB. Dengan melihat kepada tahap perbezaan konotasi antara bahasa sumber dan bahasa sasaran sama ada sederhana/kecil atau ketara, penulis dapat melihat dengan jelas item-item leksikal yang membawa masalah makna konotasi dalam penterjemahan.

Data 1 hingga 4 makna konotasi memberikan beberapa rumusan yang signifikan dari sudut analisis kualitatif.

Data 1 iaitu *qabr* yang bermaksud kubur dari segi denotasi diterjemahkan kepada 'makam' dalam BM. Data ini menunjukkan bahawa adakalanya masalah makna konotasi itu berlaku dalam bahasa sasaran dan bukan dalam bahasa sumber. Ini bererti bahawa apabila menterjemah, penterjemah perlu mempertimbangkan makna konotasi bagi padanan yang dipilihnya. Penterjemah perlu memikirkan sama ada padanan yang dipilihnya bersesuaian dengan makna konotasi dalam konteks budaya pembaca sasarannya. Sekiranya terdapat dua padanan yang sememangnya tepat seperti 'kubur' dan 'makam' bagi data 1 tersebut, penterjemah perlulah memilih perkataan yang lebih baik konotasinya dari segi konteks penggunaannya dalam budaya teks terjemahan.

Data 2 pula menunjukkan bahawa adakalanya elemen konotasi dalam bahasa sumber adalah lebih banyak daripada elemen konotasi dalam bahasa sasaran. 'Laut' dalam BA mempunyai konotasi sifat pemurah atau berilmu tinggi tetapi BM tidak mempunyai konotasi sejauh itu. Dalam BM, 'laut' melambangkan

bahawa sesuatu benda mempunyai kuantiti yang banyak. Penterjemah akhirnya mengambil keputusan untuk menjelaskannya dalam nota hujung makna konotasi tersebut dalam konteks BA. Di sini dapat dirumuskan penjelasan tentang makna konotasi dalam nota hujung boleh dijadikan satu strategi berkesan dalam menyelesaikan masalah makna konotasi.

Data 3 pula mendokong fakta bahawa peminjaman perkataan antara dua bahasa mungkin melibatkan masalah makna konotasi. BM telah meminjam perkataan *faqir* daripada BA tetapi telah mempopularkan salah satu maknanya iaitu orang yang lebih susah daripada orang miskin dalam dunia wacana masyarakat Melayu dan menenggelamkan makna lain yang dibawa oleh perkataan *faqir* tersebut. Dalam konteks karya RIB, sebahagian besar penggunaan perkataan *faqir* adalah tidak merujuk makna "orang yang lebih susah daripada miskin" tersebut. Sebaliknya, makna *faqir* yang dimaksudkan ialah konotasi tentang orang yang zuhud dan memalingkan tumpuannya kepada Allah semata-mata atau ahli sufi.

Penterjemah telah mengambil keputusan menggunakan huruf condong bagi perkataan *faqir* secara konsisten dalam kesemua 23 bab PIB untuk membangkitkan makna konotasi tersebut dan membezakannya dengan perkataan fakir yang juga digunakan oleh penterjemah dalam PIB untuk merujuk insan yang lebih susah daripada miskin tersebut. Apabila pembaca menemui *faqir* dan fakir dalam PIB, pembaca akan mengalami perbezaan makna denotasi dan konotasi yang terdapat dalam kedua-dua ejaan tersebut.

Ini merupakan teknik menarik yang diperkenalkan oleh penterjemah RIB dan mungkin dapat dimanfaatkan oleh penterjemah lain. Walaupun nampak

mudah, teknik ini dapat memberikan dampak yang berbeza kepada pembaca dalam mentafsir makna yang tersirat dalam perkataan *faqir* tersebut.

Data 4 pula menunjukkan bahawa makna konotasi juga boleh diterapkan dalam teks terjemahan menggantikan makna denotasi item leksikal tersebut. Dalam sampel 4, *zi al-autad* dari segi denotasi bermaksud Fir'aun yang mempunyai pasak-pasak khemah. Walau bagaimanapun, dalam teks asal, frasa *zi al-autad* ini memang sedia mengandungi elemen konotasi tentang kezaliman Fir'aun. Namun, elemen konotasi tersebut tidak akan dirasakan oleh pembaca sasaran apabila mereka membaca "Fir'aun yang mempunyai pasak-pasak khemah". Justeru itu, penterjemah RIB menilai bahawa makna konotasi lebih penting untuk terus diserapkan dalam teks terjemahan.

Teknik ini juga merupakan teknik yang menarik yang diperkenalkan oleh penterjemah RIB dan boleh digunakan oleh para penterjemah lain. Walau bagaimanapun, mungkin wajar juga penterjemah RIB meletakkan nota hujung bagi frasa "Fir'aun yang zalim" tersebut dan menerangkan maksud denotasinya kepada pembaca.

Sementara itu, data 5 merupakan data yang paling jelas menggambarkan tentang masalah makna konotasi dalam terjemahan. Menurut Baker, makna konotasi menjadi masalah apabila ia melibatkan isu-isu yang sensitif seperti politik, agama dan seks. Dalam data 5, isu yang sensitif ini ialah isu perkauman dan maruah masyarakat berkulit hitam. Isu ini merupakan isu antarabangsa dan di kalangan masyarakat berkulit hitam sendiri, mereka pernah menerima dan menolak penggunaan beberapa nama. Suatu masa mereka menerima perkataan 'negro' dan *coloured* tetapi kini mereka telah menolaknya. Kini di Amerika,

mereka lebih senang menggunakan istilah *Afro-American* berbanding *black* tetapi di Britain, istilah *black* merupakan istilah yang standard dan diterima. Penterjemah RIB telah menggunakan padanan “orang berkulit hitam” dan mengelakkan penggunaan perkataan ‘negro’ untuk menjaga keharmonian makna konotasi bagi golongan masyarakat berkulit hitam ini. Ini juga adalah kerana penterjemah RIB melaksanakan terjemahan pada zaman masyarakat sudah tidak menerima lagi istilah ‘negro’ tersebut yang pada suatu masa dahulu bukanlah istilah yang sensitif.

Data ini jelas membuktikan kebenaran fakta yang dinyatakan oleh Venuti seperti yang disebutkan oleh penulis dalam Bab 1 dahulu. Menurut Venuti, teks asal merupakan suatu bahagian yang mempunyai kemungkinan-kemungkinan semantik yang berbeza dalam sebuah terjemahan. Terjemahan tersebut mungkin hanya tepat dalam jangka masa yang sementara, berasaskan pelbagai tanggapan kebudayaan serta pilihan interpretasi, dalam situasi sosial yang tertentu, dan dalam jangka masa sejarah yang berbeza (Venuti, 1995:17-18).

Sebagai kesimpulan, penulis merumuskan bahawa item-item leksikal yang membawa masalah makna konotasi berdasarkan model Baker, membuktikan bahawa:

- Penterjemah mampu mengesan masalah makna konotasi dengan menganalisis aspek leksis dan budaya item leksikal yang diterjemahkan. Penterjemah perlu menilai perbezaan konotasi item-item leksikal tersebut antara bahasa sumber dan bahasa sasaran. Seterusnya, penterjemah perlulah mencari jalan penyelesaian untuk mengatasi perbezaan yang wujud.

terjemahan yang dihasilkan di samping menimbulkan reaksi yang tidak sihat di kalangan pembaca.

- Penterjemah perlu memilih padanan-padanan leksikal yang makna konotasinya dapat mengharmonikan lagi teks terjemahan yang disajikan kepada pembaca sasaran. Penterjemah juga perlu menyampaikan maksud konotasi teks bahasa sumber dengan impak yang berkesan kepada pembaca sasaran.

5.2.3 Rumusan Masalah Makna Idiomatik

Berdasarkan peratusan kekerapan dalam analisis kuantitatif dalam Bab 4 yang lalu, kekerapan 3.72% dalam Bab 1 PIB dan 1.98% dalam Bab 2 PIB atau 2.95% dalam kedua-dua Bab 1 dan Bab 2, masalah kategori makna idiomatik jelas menggambarkan bahawa makna idiomatik bukan merupakan masalah utama makna dalam penterjemahan RIB.

Walau bagaimanapun, meskipun frasa idiomatik hanya sedikit terdapat dalam teks RIB, penterjemah seperti yang dinyatakan oleh Baker (1992) berhadapan dengan masalah untuk mengenal pasti terlebih dahulu sama ada frasa tersebut merupakan frasa idiomatik Arab ataupun tidak. Hal ini bermakna bahawa penterjemah perlu menimba ilmu pengetahuan tentang budaya Arab dan frasa-frasa idiomatiknya. Jika ini dapat dilaksanakan, penterjemah akan dapat mengenal

pasti dengan cepat frasa-frasa idiomatik tersebut dalam teks asal yang diterjemahkan.

5 data frasa idiomatik telah dipecahkan kepada kategori *ismiyy* (bermula dengan kata nama), *fi'liyy* (bermula dengan kata kerja) dan *harfiyy* (bermula dengan *harf al-jarr*). Kesemua lima data ini menunjukkan bahawa perkataan-perkataan yang membentuk frasa tersebut tidak boleh terlalu diharapkan untuk mendapatkan maksud sebenar. Ketiga-tiga kategori menunjukkan tahap kesukaran yang hampir sama dalam tugas penterjemahan.

Antara data-data tersebut, ada yang amat sukar diterjemahkan. Data 5 iaitu *فبينت عليها* telah benar-benar merumitkan penterjemah RIB. Berdasarkan naskhah manuskrip yang pernah disunting, penterjemah RIB pernah memberikan makna "aku menidurinya" dan "aku bersatu dengannya". Akhir sekali, penterjemah RIB telah mengubah kepada "isteriku itu diserahkan kepadaku".

Pengalaman yang dilalui oleh penulis-penterjemah RIB dalam menterjemah frasa idiomatik Arab ini boleh dikatakan getir. Namun, cabaran yang sedemikianlah yang menarik dalam terjemahan. Penterjemah perlu berusaha seperti saranan Lefevre untuk menyiasat latar belakang teks secara berulang-ulang kali dan memberikan padanan berdasarkan bukti-bukti kukuh yang mampu dikumpulkan. Malah, langkah-langkah ini jugalah yang dicadangkan oleh Corbin (1980) supaya diambil oleh penterjemah untuk membuat keputusan dan pilihan. Justeru itu, kekerapan peratusan yang rendah bagi makna idiomatik tidak harus mengalpakkan penterjemah tentang pentingnya mempelajari lebih banyak budaya Arab, perumpamaan-perumpamaan, pepatah dan frasa idiomatik (*ta'bir istilahi*) mereka supaya kerumitan menterjemah frasa-frasa seumpama itu dapat diatasi.

Bagi masalah makna idiomatik ini, penulis menyimpulkan beberapa rumusan:

- Penterjemah RIB paling kerap menggunakan strategi parafrasa dalam penterjemahan frasa idiomatik. Ini merupakan strategi yang baik apabila penterjemah tidak menemui padanan yang sesuai dalam bahasa sasaran.
- Penterjemah boleh menggunakan frasa idiomatik yang terdapat dalam bahasa sasaran untuk menterjemah frasa idiomatik bahasa sumber sekiranya ia bersesuaian dari segi makna dan konteks serta dapat menjadikan terjemahan lebih hidup dan bertenaga.
- Penterjemah perlu mempelajari dan mendalami frasa-frasa idiomatik Arab dengan membaca karya-karya berkaitan bidang tersebut atau membaca karya-karya bermutu tinggi kesusasteraan Arab untuk mengenali frasa-frasa idiomatik yang terdapat di dalamnya.

5.3 Rumusan Keseluruhan

Secara keseluruhannya, kajian ini dapat membuat kesimpulan dalam perkara-perkara berikut:

- Penterjemahan Arab-Melayu menerusi karya RIB-PIB mendedahkan bahawa terdapat banyak cabaran khususnya dari aspek masalah menterjemah budaya antara teks asal dan teks terjemahan. Dalam kerja-kerja penterjemahan, penterjemah perlu benar-benar bertanggungjawab dalam memastikan bahawa teks terjemahan yang dihasilkan adalah bermutu dari

segi keindahan dan kehalusan bahasa serta tepat pula dari segi fakta dan makna.

- Penterjemah karya RIB memperlihatkan usaha yang bersungguh-sungguh untuk mendapatkan makna-makna leksikal dan frasa dalam BA dan cuba memindahkannya dengan cara yang terbaik ke dalam BM. Penterjemah berusaha untuk memahami makna-makna denotasi, konotasi dan idiomatik bahasa sumber yang rumit dan sukar serta cuba untuk menyampaikannya kepada pembaca sasaran dengan bahasa yang terbaik, makna yang tepat serta teknik yang pelbagai. Iltizam dan komitmen seperti ini amatlah diperlukan demi menghasilkan karya terjemahan yang lebih bermutu dalam BM pada masa hadapan. Sudah tiba masanya bagi sarjana-sarjana Melayu menggiatkan lagi aktiviti penterjemahan dan penulisan serta mengangkat martabat karya Melayu ke persada antarabangsa.

- Penterjemahan karya agung dunia seperti RIB ke dalam BM merupakan usaha sulung di Malaysia oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) untuk melahirkan terjemahan karya agung. Usaha seperti ini memerlukan penterjemah yang berani dan sanggup berkorban dari segi masa, harta dan tenaga untuk melaksanakan terjemahan yang mempunyai nilai-nilai kajian dan penyelidikan. Karya PIB memperlihatkan usaha penterjemah dalam menyajikan terjemahan yang berasaskan kajian dengan secara konsisten memberikan huraian dan penjelasan tentang makna dan fakta yang kabur dalam nota hujung dan glosari. Sesungguhnya ini merupakan usaha yang

penting dalam menangani manuskrip-manuskrip lama. Penterjemah perlu teliti dengan struktur bahasa, latar belakang sejarah, tamadun serta budaya yang melatari sesebuah teks klasik tersebut.

- Dalam penterjemahan teks kesusasteraan seperti sastera pengembaraan ini, penterjemah boleh mempelbagaikan teknik dan strategi terjemahannya. Ini adalah disebabkan penterjemah sedang mengolah teks yang memerlukan kesinambungan dan pertautan. Seandainya penterjemah memilih padanan makna tertentu atau strategi tertentu seperti menggunakan huruf condong bagi sesuatu perkataan tertentu, ia perlu konsisten dengan strateginya dan menyelaraskan padanan tersebut dalam keseluruhan teks terjemahan. Dengan cara ini, barulah terserlah ketelitian penterjemahan yang dilakukan dan terhasillah pertautan pemikiran dalam teks terjemahan. Inilah yang cuba dilaksanakan oleh penterjemah RIB dalam karya terjemahan PIB. Umpamanya, sekiranya perkataan *faqir* dicondongkan, maka perkataan itu perlu dicondongkan secara konsisten dalam keseluruhan karya PIB. Inilah yang dikatakan bahawa terjemahan bukan sekadar kreativiti dan seni tetapi juga bersifat teknikal. Jika aspek teknikal tidak dipelihara, hasil terjemahan akan kelihatan cacat dan tidak menarik.
- Penterjemah Arab-Melayu perlu melaksanakan gesaan yang dicadangkan oleh Lefevere (1992b) iaitu penterjemah perlu mengintegrasikan pelbagai ilmu pengetahuan dalam terjemahan. Terjemahan tidak memetakan ilmu kepada bahagian-bahagian yang terpisah. Untuk itu, penterjemah perlu

mengetahui ilmu pelbagai bidang, ilmu linguistik, ilmu kesusasteraan, sejarah dan budaya. Karya RIB sebenarnya merupakan karya yang mencabar kemampuan penterjemah kerana isi kandungannya mencakup pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Di dalamnya ada fakta yang berkaitan agama, ekologi, pertanian, botani, perhutanan, perubatan, veterinar, sejarah negara, politik dan budaya. Tanpa pengetahuan yang luas, penterjemah mungkin tewas berhadapan dengan karya yang sebegitu luas maklumat dan ilmu yang dikandungnya.

- Dalam realiti kerja penterjemahan, penterjemah perlu menggunakan pelbagai teori dan pendekatan yang dicadangkan oleh sarjana terjemahan. Hakikatnya, tidak ada teori atau pendekatan boleh dimahkotakan sebagai yang paling sempurna dan terbaik. Menerusi analisis data-data yang dikemukakan dalam Bab 4 yang lalu, adalah jelas bahawa penterjemah perlu kreatif dalam menerapkan pendekatan akulturasi, pendomestikan dan pengasingan terjemahan seperti yang diutarakan oleh Lefevere, Nida dan Venuti. Dalam situasi dan konteks tertentu, sesuatu penyelesaian adalah bersesuaian dengan pendekatan tertentu. Oleh itu, penterjemah haruslah bijaksana dalam memilih pendekatan yang paling sesuai dengan kes atau masalah terjemahan yang mereka hadapi.
- Kajian ini membuktikan bahawa faktor lexis dan budaya merupakan faktor yang membolehkan penterjemah melihat masalah menerusinya dan menyelesaikan masalah juga menerusinya. Kajian ini membuktikan bahawa

gelombang baru yang dibawa oleh Lefevere dan Bassnett Mc-Guire semenjak awal 1990-an terhadap dunia terjemahan dengan mendasarkan terjemahan kepada budaya merupakan sesuatu yang amat bermakna dalam kajian-kajian dan kerja-kerja penterjemahan. Penterjemah perlu sentiasa menyedari bahawa dalam penterjemahan sentiasa sahaja terdapat sebuah konteks terjemahan itu mengambil tempatnya, sebuah sejarah yang menerusinya sesebuah teks asal itu muncul dan sebuah posisi baru di mana teks asal itu ditukarkan tempatnya. Kesedaran seumpama ini akan mendorong penterjemah menghasilkan karya terjemahan yang lebih mantap dan tuntas dalam bahasa sasaran.

- Kajian ini juga memperkukuhkan pendapat Hatim, Lefevere, Bassnett Mc-Guire dan lain-lain bahawa penterjemah perlu melihat kepada konteks yang wujud pada ayat atau teks yang merangkumi sesuatu item leksikal atau frasa. Setiap item leksikal atau frasa berkaitan dengan konteksnya untuk memberikan makna tertentu dalam teks tertentu. Penterjemah perlu memahami dan meneliti dahulu konteks tersebut supaya makna yang tepat dapat diberikan. Adakalanya, makna yang diberikan kamus adalah tepat dan tidak salah untuk sesuatu item leksikal atau frasa tetapi ia tidak tepat atau lari daripada maksudnya dalam konteks tertentu. Contohnya data 3 menunjukkan item leksikal *mamluk* merupakan pemerintah (bukan hamba seperti makna biasanya) pada zaman kegemilangan kerajaan *Mamluk*. Begitu juga data 13 menunjukkan bahawa makna frasa idiomatik *wabanaitu `alaiha* (isteriku itu diserahkan kepadaku) hanya dapat ditentukan apabila

budaya, tempat dan masanya diketahui. Dalam kes data 13 tersebut, isteri Ibn Battutah selepas dikahwini di Safaqis, diserahkan oleh keluarganya kepada Ibn Battutah di Tarabulus.

- Data-data yang dianalisis memperlihatkan bahawa penterjemahan merupakan akulturasi dan perundingan antara dua budaya seperti yang didefinisikan oleh Lefevere. Penterjemahan sebenarnya perlu dilakukan bersesuaian dengan konteks budaya dan linguistik bahasa sumber dan bahasa sasaran yang terdapat dalam item leksikal dan frasa. Malah, penulis melihat bahawa pendekatan pedomestikan dan pengasingan terjemahan yang diutarakan oleh Nida dan Venuti sebenarnya merupakan antara pilihan yang boleh diambil dalam proses akulturasi, perundingan antara dua budaya dan membuat keputusan dalam penterjemahan. Dengan ini, penulis menjelaskan di sini bahawa yang penting bukanlah pendekatan pedomestikan atau pengasingan, sebaliknya penterjemah perlu melihat dahulu latar belakang teks dan konteks budaya serta linguistik yang terdapat bagi kedua-dua TS dan TT, seterusnya barulah membuat keputusan dalam penterjemahan.

5.4 Cadangan

Berikut ini beberapa cadangan dan gagasan demi mempertingkatkan lagi kemajuan dalam disiplin terjemahan khususnya terjemahan Arab-Melayu:

- Kajian ini menggesa supaya lebih banyak penyelidikan sebagaimana yang dicadangkan oleh Bassnett Mc-Guire (1998) dilaksanakan tentang proses akulturasi yang berlaku antara pelbagai budaya dan bagaimana budaya-budaya yang berbeza ini membentuk imej-imej penulis dan teks yang dihasilkan. Begitu juga tentang penganiyaan etnosentrik yang didakwa oleh Venuti (1995) dan pelbagai politik dalam amalan penterjemahan yang menghakis makna sebenar teks bahasa sumber. Mungkin topik-topik ini adalah baru dalam disiplin terjemahan amnya di Malaysia, tetapi penyelidikan bersifat budaya (*cultural*) seperti ini pasti dapat membawa disiplin terjemahan ke suatu tahap yang lebih membanggakan.
- Kajian ini berjaya membuktikan bahawa makna denotasi merupakan masalah utama dalam penterjemahan teks genre sastera pengembaraan dan yang seumpamanya dengan diikuti seterusnya oleh makna konotasi dan idiomatik. Walau bagaimanapun, mungkin penemuan ini bersifat sejagat dan berlaku dalam teks genre yang lain. Kajian ini mencadangkan supaya kajian-kajian terhadap teks-teks genre lain dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lain untuk melihat sama ada dapatan kajian teks genre sastera pengembaraan ini adalah sama atau berbeza dengan dapatan kajian teks-teks genre yang lain.
- Memandang bahawa penterjemah merupakan pengantara bagi teks asing yang akan menyampaikan maksud teks tersebut dalam bahasa sasaran dengan tepat, kajian ini menggesa supaya para penterjemah sendiri memperbanyakkan bahan rujukan di rumah atau tempat mereka bekerja.

Penterjemah perlu memiliki kamus yang pelbagai, baik yang klasik atau moden serta pelbagai rujukan dalam bidang yang berkaitan dengan karya yang diterjemahkan oleh mereka. Sesungguhnya hasil terjemahan yang bermutu amat bergantung kepada ilmu, kecekapan dan kemahiran penterjemah itu sendiri.

- Menyedari bahawa masalah penterjemahan berkaitan dengan budaya merupakan masalah yang utama dalam penterjemahan, kajian ini mencadangkan supaya kursus-kursus terjemahan baik yang dilaksanakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menerusi persidangan, seminar dan bengkel ataupun kursus-kursus terjemahan di Institut Pengajian Tinggi supaya mempertingkatkan tumpuan dan fokus tentang masalah budaya, aspek lexis dan budaya, masalah-masalah makna, pendekatan-pendekatan penterjemahan seperti akulturasi, pengasingan dan pedomestikan serta juga mengkaji contoh-contoh terjemahan untuk mempelajari teknik, strategi yang baik dan mengenali terjemahan yang bermutu dan terjemahan yang mengandungi kesilapan. Perbincangan-perbincangan tentang selok belok terjemahan dalam kursus-kursus tersebut sudah pasti akan membawa kemajuan dan kepesatan dalam bidang penterjemahan selain mempertajam kemahiran dan seni menterjemah para peserta.
- Sarjana-sarjana Melayu dalam bidang terjemahan perlu menulis dengan lebih banyak lagi bahan-bahan ilmiah berkaitan terjemahan Arab-Melayu. Sehingga kini, hanya terdapat sebuah buku oleh Muhammad Bukhari Lubis *et al.* yang berjudul "Penterjemahan Arab-Melayu-Arab; Peraturan dan

Dasar" (1998) yang terdapat dalam perpustakaan. Jumlah karya dalam bidang teori dan pendekatan terjemahan Arab-Melayu masih terlalu kecil dan merumitkan pengkaji-pengkaji bidang ini mendapatkan bahan rujukan untuk panduan atau penyelidikan. Sudah tiba masanya bagi pihak-pihak seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) dan Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM) menggerakkan lagi usaha penulisan dalam bidang ini dengan menggembelikan tenaga dan sumber dana yang ada.

- Untuk menggiatkan usaha penterjemahan, usaha yang terancang perlu dilaksanakan. Suasana pada hari ini mendedahkan banyak kelemahan apabila sesebuah terjemahan hendak diterbitkan. Antara kelemahan-kelemahan tersebut ialah negara kekurangan penyunting yang pakar dan mantap yang mempunyai penguasaan dwi/multi-bahasa dan dwi/multi budaya. Kesannya, sesebuah terjemahan Arab-Melayu mungkin disunting oleh penyunting yang hanya memahami BM tetapi tidak memahami BA. Penyunting tersebut mungkin hanya dapat mengesan masalah tatabahasa dan makna dalam BM tetapi tidak dapat mengesan kesilapan-kesilapan terutamanya dari segi makna yang dilakukan oleh penterjemah. Oleh itu, kajian ini juga mencadangkan supaya selain menyediakan penterjemah yang pakar dan profesional, pihak-pihak berwajib juga perlu mempersiapkan editor yang dwi/multi bahasa dan dwi/multi budaya yang mampu menyunting manuskrip terjemahan dengan teliti dan cermat dan memperbaiki lagi mutu manuskrip terjemahan yang disiapkan.

- Institusi-institusi seperti Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM), Majlis Agama Islam Negeri dan lain-lain perlu meneruskan usaha yang sedia ada dan mempertingkatkan lagi projek-projek terjemahan teks klasik Arab-Melayu. Hasil penterjemahan ini boleh memberi panduan dalam bidang akidah dan pandangan hidup kepada masyarakat. Projek penterjemahan hendaklah merangkumi bidang ontologi, metafizik, sejarah, sirah, bahasa, peristilahan dan lain-lain seperti sains dan perubatan tanpa meninggalkan bidang-bidang yang pokok seperti bidang tafsir al-Quran, Hadith, syariah dan fiqh. (Muhammad 'Uthman El-Muhammady, 1999)
- Pelbagai pihak perlu memberikan sokongan dalam usaha penterjemahan. Kalangan sarjana yang cerdas pandai perlulah menyenaraikan judul-judul karya klasik dan moden yang wajar diterjemahkan. Kelompok penterjemah pula perlu tampil dan memberanikan diri untuk menterjemah karya-karya yang serius dan berat. Kerajaan juga perlu memberikan peluang kepada penterjemah-penterjemah muda melaksanakan projek-projek penterjemahan yang berat dan serius tersebut supaya bakat mereka dapat diasuh dan diasah semenjak awal, juga supaya fikiran dan tenaga mereka yang segar tersebut dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya. Walau bagaimanapun, pensyarah-pensyarah yang mempunyai kepakaran dan kebolehan dalam bidang terjemahan tetapi sudah bersara daripada bidang akademik juga perlu ditarik untuk menyertai bidang ini, supaya mereka tidak memasuki bidang yang

tidak munasabah dengan kepakaran ilmu yang dimiliki, sebagaimana yang banyak berlaku dalam masyarakat di Malaysia. (*ibid.*, 1999)

5.3 Penutup

Era untuk medefinisikan terjemahan sebagai suatu proses mendapatkan persamaan telah pun berlalu. Era 90-an menyaksikan peralihan fokus terjemahan kepada budaya (Bassnett Mc-Guire dan Lefevere, 1998).

Kajian ini membuktikan bahawa faktor leksis dan budaya merupakan faktor penting untuk melihat dan menyelesaikan masalah makna dalam penterjemahan item leksikal dan frasa yang bermasalah. Masalah makna seperti denotasi, konotasi dan idiomatik boleh dilihat menerusi tingkap leksis dan budaya dan diselesaikan menerusi pelbagai penyelesaian yang dicadangkan oleh sarjana seperti akulturasi, pandomestikan dan pengasingan terjemahan, bersesuaian dengan latar belakang dan konteks teks. Penterjemahan merupakan amalan yang pragmatik dan penterjemah berperanan memilih strategi serta teknik penyelesaian yang terbaik dalam menyelesaikan masalah.

Kajian ini menggunakan teks genre sastera pengembaraan, RIB-PIB sebagai analisis kajian. Teks RIB dan PIB merupakan usaha pemindahan budaya dunia yang dijelajahi dan digambarkan oleh Ibn Battutah dalam pengembaraannya. Bezanya Ibn Battutah merakamkan budaya tersebut dalam BA sementara penterjemah pula memindahkannya dalam BM. Analisis kajian membuktikan bahawa penterjemah menghadapi masalah penterjemahan item leksikal dan frasa

yang bermasalah makna denotasi, konotasi dan idiomatik dalam teks tersebut. Masalah yang paling utama ialah masalah makna denotasi dengan diikuti oleh makna konotasi dan idiomatik. Justeru itu, penterjemah perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan tentang konsep *realia*, perbezaan konotasi antara budaya dan frasa idiomatik budaya yang berbeza.

Usaha penterjemahan yang teliti seperti penterjemahan RIB bukanlah sesuatu yang mudah. Penterjemah perlu melakukan pelbagai usaha, bukan sekadar menterjemah semata-mata, bahkan mengkaji, memikir dan menyunting untuk menangani manuskrip lama dengan berkesan. Selain itu, penterjemah perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan tentang teori dan pendekatan terjemahan yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana disiplin terjemahan. Gabungan pengetahuan tentang teori serta pendekatan penterjemahan dan latihan amali sudah pasti dapat menjadikan usaha gigih untuk menghasilkan karya terjemahan yang mengagumkan, ilmiah, penuh dengan kehalusan bahasa dan kesinambungan idea, malah lebih penting lagi, ketepatan maksud sebagai sumbangan yang menjadi kebanggaan.

Kini, sudah tiba masanya pengkaji-pengkaji dan penterjemah-penterjemah menyedari kepentingan faktor leksis dan budaya dalam amalan penterjemahan. Pengabaian terhadap faktor ini akan menyebabkan karya terjemahan yang dihasilkan kurang bermutu dan kurang nilai komunikatifnya berbanding dengan karya asalnya. Oleh itu, perhatian khusus perlu diberikan terhadap permasalahan penterjemahan berasaskan leksis dan budaya. Hanya menerusi kaedah sebeginilah, karya-karya klasik bermutu akan dapat terus hidup dan mungkin pula

menjadi *magnum opus* dalam versi karya terjemahan yang dihasilkan. *Wallah A'lam.*